



SOALAN

Bagaimana hendak menggunakan perkataan bagaimanakah?

Oleh: Muhd Shahiran,
P6E, Sekolah Rendah Meridian



JAWAPAN

Bagaimana merupakan kata tanya. Apabila menggunakan '**bagaimana**', pada akhir ayat mestilah disempurnakan dengan tanda tanya (?).

Kata tanya ialah perkataan yang digunakan untuk menanyakan sesuatu. Apabila digunakan pada awal ayat, partikel 'kah' hendaklah mengikuti perkataan 'bagaimana'. Sekadar contoh:

- Bagaimanakah perkara itu boleh berlaku?
- Bagaimanakah rupa penjenayah itu?
- Bagaimanakah perniagaan bapa awak sekarang?
- Bagaimanakah kesudahan cerita itu?
- Bagaimanakah perasaannya ketika kejadian itu diberitahu kepadanya?

Partikel 'kah' tidak diperlukan jika 'bagaimana' terletak pada akhir ayat. Contoh:

- Rupa hantu itu bagaimana?
- Wau itu dibuat bagaimana?
- Kemalangan itu berlaku bagaimana?
- Kamu pulang bagaimana?
- Keputusan peperiksaan kamu bagaimana?